PETA KONSEP

TINGKATAN 5

Perlembagaan Persekutuan

Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

Asas pembentukan Perlembagaan

- Nilai tradisi Kesultanan Melayu.
- Beberapa prinsip undang-undang Inggeris disesuaikan dengan nilai tempatan.

Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

1877
Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak yang dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf menjadi titik tolak kepada pembentukan undang-undang negara.

1946
- Undang-undang di NNS digubal oleh Majlis Undangan Negeri.
- Undang-undang di NNMB digubal oleh Majlis Persekutuan.
- Undang-undang di NNMTB digubal oleh Majlis Negeri.

1948
- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang.
- Antara kandungan Persekutuan Tanah Melayu ialah pentadbiran, kuasa Raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.

1957
- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model Westminster yang diambil dari Britain.
- Perlembagaan ini berkuat kuasa selepas kemerdekaan.
- Perlembagaan ini menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini.

Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

Ciri tradisional

- Kesultanan atau Pemerintahan Beraja
- Agama Islam
- Bahasa Melayu
- Kedudukan orang Melayu dan bumiputera

Ciri moden

- Kerajaan Persekutuan
- Sistem Demokrasi Berparlimen
- Kewarganegaraan

Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

Pindaan Perlembagaan 1963

Tiga perkara utama yang berlaku dalam pindaan ini ialah
- Struktur Mahkamah Atasan.
- Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
- Jawatan Yang di-Pertua Negeri.

Pindaan Perlembagaan 1965

- Singapura keluar daripada Malaysia.
- Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia (pindaan 1965).